

Ibu bapa digesa pantau kegiatan anak-anak dalam media sosial

Marutin Ansiumg

KENINGAU: Ibu bapa perlu mengawasi anak-anak dalam era perkembangan pesat media sosial yang memaparkan pelbagai perkongsian yang tidak pasti kesahihannya.

Ketua Biro Agama Islam Dewan Undangan Negeri Sabah N.40 Bingkor Haji Yazid Haji Mohd Hasnan Tawik @ Charles berkata, pada masa ini pelbagai perkara boleh dilakukan melalui media sosial.

Justeru itu pemantauan dari masa ke masa perlu dilakukan oleh ibu bapa terhadap anak-anak.

"Perkongsian yang hantar di media sosial seperti Whatsapp dan lain lain perlu diambil perhatian sejauh mana kesahihannya. Kita jangan terus mempercayainya, dan apa yang lebih penting kita perlu merujuk dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau mana mana pihak yang berkaitan dengan isu yang diviralkan," jelas Yazid.

Yazid berkata demikian semasa berucap mewakili Ahli Dewan Undangan Negeri Bingkor Datuk Robert Tawik @ Nordin yang juga Pembantu Menteri Kerja Raya

merasmikan penutupan Program Ukhuwah Bertaut @ Masjid AR Rasyid Kampung Kota Ayangan dekat sini pada Ahad.

Program tersebut dianjurkan Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan Masjid AR Rasyid Kota Ayangan siri 1.0 di Masjid AR Rasyid.

Pelbagai pengisian telah diadakan sepanjang lima hari program itu. Antaranya Khatan Perdana, derma darah, pameran Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), pertandingan berunsur keagamaan dan ceramah agama.

Pada masa sama Yazid mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan Masjid atas kejayaan mengadakan program yang amat bermanfaat dan berfaedah kepada masyarakat khususnya masyarakat Islam kampung tersebut.

Yazid yang juga Pengurus Jawatankuasa Pentadbiran dan Pengurusan Masjid Nur Hidayah Pekan Bingkor berkata, program tersebut sudah tentu boleh membantu mengimarahkan masjid.

'Program ini juga salah satu aktiviti yang boleh mendekati masyarakat Islam dan juga kanak kanak" katanya.